

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[LANGKAWI ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ir. Haji Nawawi Bin Ahmad (LANGKAWI)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk membina laluan terus Lebuhraya Utara Selatan daripada Plaza Tol Juru ke Sungai Dua, Pulau Pinang tanpa ada gangguan masuk keluar kenderaan dari kawasan tersebut seperti yang telah dinaik taraf dari Plaza Tol Jelapang, Perak melalui Ipoh, Perak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, cadangan projek Lebuhraya Pintas Sungai Dua - Juru (Juru Bypass) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri untuk dilaksanakan secara penswastaan (*Public Private Partnership* - PPP) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Projek Juru Bypass ini merupakan alternatif kepada jajaran Lebuhraya Utara Selatan yang mengalami kesesakan khususnya jajaran dari Sungai Dua ke Juru di Pulau Pinang pada masa ini.

Memandangkan jajaran projek Juru Bypass ini adalah selari dengan Lebuhraya Utara Selatan dan mungkin akan memberi kesan kepada jumlah trafik di Lebuhraya Utara Selatan, Kerajaan telah bersetuju supaya kajian terperinci dari segi teknikal dan daya maju cadangan projek dilaksanakan sebelum sebarang pertimbangan diberikan terhadap cadangan berkenaan. Selain daripada itu, pertimbangan terhadap cadangan projek ini juga berdasarkan kepada penilaian kewangan dan teknikal oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan serta pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri setelah kajian terperinci dibuat.

Pada masa ini, projek Juru Bypass masih di peringkat kajian dan perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek secara penswastaan juga belum ditandatangani dengan mana-mana pihak. Pada peringkat ini, adalah terlalu awal (*premature* – dengan izin) bagi pihak Kerajaan untuk memberi sebarang maklum balas berhubung perincian cadangan projek berkenaan.

Sekian, terima kasih.